

TANDA KERACUNAN : Gatal-gatal pada mata, hidung, kerongkong dan kulit. Pendedahan yang berlebihan menyebabkan hilang kawalan gerakan dan gaya berjalan yang tidak stabil.

RAWATAN KECEMASAN : Tanggalkan pakaian yang terkena racun. Jika terkena pada kulit, basuh dengan menggunakan sabun dan air. Jika terkena pada mata, bersihkan dengan menggunakan air bersih yang banyak selama sekurang-kurangnya 15 minit. Jika tertelan, **JANGAN** ikhtiaran pesakit itu muntah. Dapatkan rawatan perubatan dengan segera.

RAWATAN PERUBATAN : Jika tertelan, lakukan kurasan gaster dengan berhati-hati untuk mencegah penyedutan. Rawatan hendaklah mengikut tanda sakit.

MEDICAL TREATMENT : If swallowed, perform gastric lavage with care to prevent aspiration. Treatment is symptomatic.

BILAS BEKAS KOSONG TIGA (3) KALI SEBELUM MELUPUSKANNYA. JANGAN GUNAKAN BEKAS RACUN UNTUK MENYIMPAN MAKANAN.

Tarikh Mengilang :

ENDMOS-Q ialah racun serangga daripada kumpulan pyrethroid yang bertindak secara sentuhan dan keracunan perut.

ATURAN PENGGUNAAN : Penggunaan tidak mengikut label adalah satu kesalahan.

TEMPAT / KAWASAN	SERANGGA	KAEDAH RAWATAN	KADAR RACUN / 1 LITER AIR	ISI PADU SEMBURAN SEHEKTAR
Kesihatan Awam, Domestik	Nyamuk (<i>Aedes aegypti</i>)	Pengabutan Terma di Luar dan di Dalam Bangunan	5 ml (1:200)	5 liter
		Pengabutan ULV di Luar dan di Dalam Bangunan	25 ml (1:40)	1 liter

Panduan Membancuh : Isikan tangki setengah penuh dengan air bersih. Campurkan **ENDMOS-Q** secukupnya mengikut syor yang ditetapkan dalam jadual sukatan dan bancuh. Seterusnya tambah baki air bersih yang diperlukan dan kacau. Jangan guna pada kadar lebih tinggi dari yang disyorkan. Jangan simpan baki bancuhan **ENDMOS-Q** di dalam tangki alat penyembur.

Panduan Menyembur : Lakukan semburan apabila serangan mencapai tahap ambang tindakan (ATL). Semburan hendaklah dibuat pada **5-10 hari** sekali pada peringkat permulaan. Selepas itu, kekerapan semburan boleh dikurangkan untuk menjaga populasi serangga pada tahap yang boleh diterima. Untuk kawalan yang baik, rawatan hendaklah dibuat pada waktu terbit fajar atau senja di mana suhu di sekeliling tidak melebihi 30°C dan angin tidak bertiup kencang. Untuk kawalan jangka masa panjang, semburan racun serangga hendaklah dijalankan bersama dengan kebersihan kawasan pembiakan melalui pemungutan sampah dan mengurangkan tempat pembiakan serangga. Jangan sembur pada/berhampiran dengan makanan/tempat penyediaan makanan. Jika rawatan perlu diulangi, gunakan **ENDMOS-Q** berselang-seli dengan racun serangga daripada kumpulan berlainan yang mempunyai cara tindakan berbeza.

AWAS : a) **Bahaya Kepada Manusia :** Berbahaya jika terminum. Elakkan daripada terhidu wasap atau kabus semburan. Elakkan daripada terkena kulit atau mata. Ketika mengendalikan produk ini, **JANGAN** makan, minum atau merokok. Selepas mengendalikan produk ini, pastikan tutup bekas racun dengan rapat dan simpan di tempat berkunci yang mempunyai peredaran udara yang baik, kering dan dingin. Cuci alat penyembur sebersih-bersihnya selepas menggunakannya. Pastikan mandi sebersih-bersihnya menggunakan sabun dan air yang banyak. **Pakaian dan Alat Perlindungan :** Ketika mengendalikan produk ini, pastikan pakai pakaian pelindung diri (PPE) berpiawaian termasuk sarung tangan, gogal, kasut getah, penutup muka dan alat pernafasan (respirator).

b) **Bahaya Pada Alam Sekitar :** Produk ini adalah berbahaya pada organisma akuatik dan ikan. **JANGAN** cemarkan kolam, sungai atau saliran air.

有害品
勿貯藏在靠近食品或兒童所接觸
的地方

BERBAHAYA
JAUHKAN DARIPADA MAKANAN
DAN KANAK-KANAK

KELAS III

HARMFUL
KEEP AWAY FROM FOODSTUFF
AND CHILDREN

தீங்கிழைப்பது
உணவுகள் மற்றும் குழந்தைகளுக்கு
அருகில் வைக்காதீர்